Mengubah Kedudukan Industri Insurans dan Takaful untuk Menyokong Perubahan dalam Landskap Sosioekonomi


Industri insurans dan takaful telah mencapai kemajuan yang signifikan untuk menjadi komponen penting sistem kewangan dan tunggak penting untuk menyokong pembangunan ekonomi dan sosial di Malaysia. Perubahan landskap sosioekonomi di Malaysia sejak bertahun-tahun telah memainkan peranan penting dalam membentuk skop perniagaan penanggung insurans dan pengendali takaful bagi menyediakan produk perlindungan kewangan tradisional yang juga merangkumi rangkaian pilihan rancangan kewangan yang luas seperti penjanaan kekayaan. Dua bidang yang signifikan adalah dalam pembangunan pembiayaan persaraan dan pembiayaan penjagaan kesihatan.

Peningkatan fokus pada pembiayaan pencen

Kepentingan sistem pencen dalam mewujudkan kestabilan ekonomi sesebuah negara dan memberi jaminan kepada populasi yang semakin lanjut usia telah mendapat pengiktirafan yang nyata di peringkat global. Menyedari objektif teras sistem pencen, yang merupakan usaha untuk membasmi kemiskinan pada hari tua dan menstabilkan keupayaan perbelanjaan dari alam pekerjaan hingga persaraan, Bank Dunia telah menerima pakai pendekatan berbilang tunggak bagi reka bentuk sistem pencen yang bertujuan untuk memenuhi keperluan segmen populasi yang disasarkan.

Rangka kerja pencen berbilang tunggak Bank Dunia menyediakan pendekatan berstruktur dalam usaha untuk menilai keseluruhan dan keberkesanan reka bentuk sistem pencen di Malaysia. Sistem pencen berbilang tunggak akan menangani dengan lebih baik keperluan yang berbeza bagi segmen penduduk yang disasarkan dengan mempelbagaikan jenis dan sumber pendapatan pencen merentas tunggak tersebut. Dengan menggalakkan perkongsian risiko dan tanggungjawab antara individu, pihak Kerajaan dan sektor swasta dalam penyediaan manfaat pencen, sistem pencen di mana-mana negara akan menjadi lebih mampan dalam usaha mencapai struktur pencen yang lebih adil yang sesuai dengan keperluan khusus negara.

Rajah 1
Rangka Kerja Pencen Berbilang Tunggak Bank Dunia[1]



Tunggak 0: Bantuan sosial bagi menyediakan tahap perlindungan minimum

Tunggak 1: Pelan pencen awam wajib yang mungkin dibiayai sebahagiannya

Tunggak 2: Pelan pencen pekerjaan atau persendirian wajib yang dibiayai sepenuhnya

Tunggak 3: Pelan pencen pekerjaan atau persendirian sukarela

Tunggak 4: Akses kepada sokongan tidak formal (termasuk keluarga), program sosial formal lain (termasuk penjagaan kesihatan) dan aset kewangan dan bukan kewangan persendirian lain (termasuk pemilikan rumah)

[1] Diadaptasikan daripada Holzmann, Hinz dan Dorfman (2008) "Pension Systems and Reform Conceptual Framework", Bank Dunia

Sistem pencen di Malaysia disokong terutamanya oleh Tunggak 2 yang merupakan skim pendapatan persaraan yang dikendalikan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Skim-skim ini dilengkapkan dengan pelbagai program bantuan kebajikan, termasuk yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, yang berfungsi untuk membasmi kemiskinan. Namun, masih terdapat banyak kapasiti dan skop untuk menambah baik sistem pencen di Malaysia, khususnya dalam mempromosikan produk pencen yang disediakan oleh sektor swasta.

Walaupun Malaysia mempunyai skim pencen wajib yang komprehensif untuk pekerja sektor awam dan swasta, sistem sedia ada yang telah wujud selama lebih daripada lima dekad mungkin tidak boleh bertahan dalam jangka panjang untuk menyokong secara berkesan struktur demografi populasi Malaysia yang semakin lanjut usia. Pada tahun 1980, bilangan rakyat Malaysia yang berusia 55 tahun ke atas mencakupi 8% daripada jumlah bilangan penduduk dan ini dijangka meningkat kepada 16% menjelang tahun 2020. Dengan kualiti hidup yang bertambah baik, jangka hayat rakyat Malaysia telah meningkat daripada hanya 56 tahun pada tahun 1950-an kepada 76 tahun untuk wanita dan 71 tahun untuk lelaki pada masa kini. Jangka hayat ini dianggarkan meningkat masing-masing kepada 79 tahun dan 75 tahun pada tahun 2020. Risiko kelanjutan usia telah memberi cabaran besar terhadap kecukupan tabungan untuk persaraan. Keadaan ini menjadi lebih mencabar lagi apabila berlakunya kehabisan pramatang tabungan untuk persaraan pada masa awal tempoh persaraan, terutamanya berikutan amalan lazim pengeluaran sekali gus pada usia 55 tahun.

Dalam usaha menambah baik sistem pencen di Malaysia, Kerajaan telah memulakan satu inisiatif reformasi pencen, berpandukan pendekatan berbilang tunggak Bank Dunia. Bagi memastikan reformasi yang menyeluruh, integrasi yang mencakupi pelbagai tunggak pencen diperlukan untuk merapatkan jurang dalam penyediaan jaringan keselamatan kewangan. Industri insurans dan takaful khususnya, akan memainkan peranan penting dalam mengukuhkan pembangunan pasaran pencen swasta sukarela yang teguh di bawah Tunggak 3 untuk melengkapkan infrastruktur pencen sosial yang disediakan oleh Kerajaan. Penawaran produk-produk pencen seperti pelan anuiti oleh penanggung insurans dan pengendali takaful akan membolehkan pesara memperoleh manfaat daripada aliran pendapatan yang tetap selepas persaraan untuk menikmati taraf hidup yang mampan. Oleh itu, adalah penting untuk mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia tentang perlunya rancangan persaraan dan menyediakan rangkaian produk yang dapat memenuhi keperluan populasi yang semakin lanjut usia.

Perlindungan perubatan dan kesihatan bertambah penting

Dengan perubahan landskap sosioekonomi, pertumbuhan Insurans Perubatan dan Kesihatan (Medical and Health Insurance, MHI) dan Takaful Perubatan dan Kesihatan (Medical and Health Takaful, MHT) dijangka akan terus kukuh. Jumlah premium langsung kasar MHI dan caruman langsung kasar MHT meningkat sebanyak 22.6% daripada RM0.9 bilion pada tahun 2008 kepada RM1.1 bilion pada tahun 2009 (Rajah 2).

Rajah 2
Jumlah Premium/Caruman Langsung Kasar bagi Insurans serta Takaful Perubatan dan Kesihatan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan ini sejajar dengan trend peningkatan perbelanjaan dalam penjagaan kesihatan swasta (purata 17% setahun sepanjang tempoh 2003-2008) yang mencapai jumlah RM18.9 bilion pada tahun 2008. Trend ini dijangka berlanjutan kerana peningkatan kos penjagaan kesihatan akan mendorong ke arah usaha yang efektif dari segi kos untuk menyediakan keperluan kesihatan dan

perlindungan daripada perbelanjaan kesihatan yang terlampau besar. Selanjutnya, ketika Malaysia sedang mengorak langkah ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, perbelanjaan kesihatan isi rumah dijangka akan meningkat terutamanya dengan pertambahan populasi kelas menengah. Tenaga kerja mahir juga akan menuntut manfaat penjagaan kesihatan yang lebih baik yang mendorong kepada perbelanjaan penjagaan kesihatan yang lebih tinggi oleh majikan. Penanggung insurans dan pengendali takaful perlu bertindak balas terhadap perkembangan tersebut dengan menyediakan pilihan produk yang lebih berkesan dari segi kos kepada pengguna. Salah satu inovasi baru-baru ini ialah pengenalan bonus tanpa tuntutan untuk pelan MHI dan melalui pelan ini pengguna yang mempunyai rekod tuntutan yang baik akan menerima bayaran tunai.

Dengan tahap pendapatan dan kesedaran masyarakat terhadap penjagaan kesihatan semakin meningkat, permintaan terhadap tahap perlindungan yang lebih tinggi serta pilihan manfaat yang lebih komprehensif juga akan meningkat. Sebagai contoh, sesetengah penanggung insurans telah meningkatkan atau menghapuskan had sepanjang hayat bagi tuntutan, manakala sebahagian penanggung insurans lain pula sedang mempertimbangkan untuk memasukkan manfaat perubatan tradisional dalam perlindungan. Sesetengah produk untuk penyakit kritikal sekarang ini membenarkan pengguna untuk membuat tuntutan berganda, walaupun setiap tuntutan adalah untuk penyakit yang berbeza, lantaran persekitaran teknologi perubatan lebih baik yang akan meningkatkan kemungkinan pemulihan daripada penyakit-penyakit kritikal. Dengan meningkatnya jangka hayat, terdapat juga dorongan ke arah MHI dan MHT bagi jangka yang lebih panjang, dengan beberapa produk sekarang ini melindungi pemegang polisi sehingga usia 100 tahun.

Jelas bahawa apabila segmen MHI dan MHT menjadi matang, dan apabila Malaysia sedang menuju ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, rangkaian produk dan perkhidmatan akan berkembang untuk memenuhi keperluan pelbagai penduduk Malaysia.

Dalam menghadapi cabaran landskap sosioekonomi yang sentiasa berubah, Bank akan terus mengkaji semula dan menghalusi pendekatan pengawalan dan penyeliaan untuk industri insurans dan takaful bagi memastikan bahawa para peserta kekal berdaya saing, responsif dan progresif dalam memenuhi keperluan rakyat Malaysia.